

Angka Giliran.....

No. Tempat Duduk .....

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Oktober 2000**

**HMT 326 - Analisis Wacana**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAAN MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI  
DALAM EMPAT [4] HALAMAN.**

**ARAHAN KEPADA CALON.**

1. Jawab soalan **1** dan **2** yang merupakan soalan **WAJIB** dalam **Bahagian A**, dan mana-mana **DUA** [2] soalan yang lain dalam **Bahagian B**.
2. Tulis **SEMUA** jawapan anda di dalam buku jawapan yang disediakan.

**BAHAGIAN A [Jawab SEMUA soalan]**

1. Dengan contoh-contoh yang sesuai daripada Bahasa Melayu dalam keperihal wacana bahasa Melayu terangkan maksud istilah-istilah yang berikut:

- a) rujukan anafora
- b) rujukan katafora
- c) kohesi tambahan
- d) pelembutan atau eufemisma
- e) theme dan rheme
- f) kolokasi leksikal
- g) pemfokusan.
- h) pengulangan
- i) diksi (diktik)
- j) presuposisi (andaian).

(20 markah)

2. Jawab soalan-soalan yang berikut:

a) Dalam wacana bahasa Malaysia yang diberi, buatlah perkara-perkara berikut:

- i) beri analisis struktur maklumat setiap ayat;

(15 markah)

- ii) *buatlah taksonomi peranti linguistik (linguistic devices) yang menimbulkan pelbagai jenis kohesi: antara perenggan, antara klausa, ayat, leksikal, ruang, masa serta nyatakanlah fungsinya.*

(25 markah)

*“Kini hubungan di antara bahasa dengan kesusasteraan sangatlah jelas lagi: ia merupakan alat dan bahan penciptaan sastera. Bahasa ialah satu-satunya peranti dan bahan untuk mencipta karya sastera. Oleh itu, wajarlah guru bahasa mengemukakan karya sastera dalam pengajaran bahasa di bilik darjah. Ternyata begitulah kepada semua; yang diperlukan oleh pendidik bahasa hanyalah kaedah pengajaran subjek berkenaan. Kaedah pengajaran tentulah berhubung dengan objektif pengajaran.*

*Tambahan lagi, dalam karya sastera pun sering kita menemui penggunaan bahasa yang berbeza daripada penggunaan umum. Antara lain, kadang-kadang kita menemui ayat-ayatnya yang tiada subjek, konstruksi yang tiada predikat, binaan yang di dalamnya terdapat penyongsangan konstituen dan beberapa banyak bentuk lagi. Besar kemungkinan gejala-gejala tersebut akan mempengaruhi penggunaan bahasa para pelajar. Oleh itu, ada pihak-pihak yang tidak senang dengan karya sastera lantaran dibimbangi kaum penuntut akan mengalami kekeliruan tatabahasa. Sebenarnya, kebimbangan demikian berasaskan kekuatiran bahawa golongan pendidik nahu tidak akan sempat mengajarkan laras bahasa sastera atau kaum pengajar tidak terfikir tentang pentingnya laras berkaitan.*

**BAHAGIAN B** [Pilih **DUA** [2] soalan sahaja]

3. **Jawab (a) dan (b):**

- a) Apa dia **koherens**? Buatlah **dua** (2) contoh wacana pendek berbentuk perbualan dan prosa bahasa Malaysia yang dapat memperlihatkannya.
- b) Buatlah contoh-contoh wacana yang memperllihatkan fenomena **penggantian** dan **pengguguran**.

(20 markah)

4. Daripada perbualan pendek berikut, huraikan maksud wacana yang tersurat dan tersirat.

**Winnie:** *Ke mana-mana tadi?*  
**Sisi:** *Ya, kami ke Morib; pergi naik bas, dan balik dengan teksi.*  
**Winnie:** *Ada apa-apa yang menarik di sana?*  
**Sisi:** *Mungkin ia bukanlah satu-satunya pantai yang terbaik dekat Ko Lumpo, tapi bolehlah tahan.*  
**Winnie:** *Mungkin aku ke sana Ahad ni.*  
**Sally:** *Apa maksudmu dengan ‘mungkin ia bukanlah satu-satunya pantai yang terbaik dekat Ko Lumpo?’*  
**Janet:** *Halaaah...tentunya dia maksudkan bukan yang best...*  
**Sisi:** *Kau ni pun...kan dia cuma nak buat kau sedap dengar.*

(20 markah)

5. **Jawab mana-mana 2 (dua) soalan sahaja daripda (a), (b) dan (c):**

- a) Dengan contoh-contoh dalam wacana bahasa Malaysia, apakah peranti-peranti linguistik yang menangani “ketentuan” (*specificity*) maklumat?
- b) Bagaimana sendi (konjungsi) dapat membangunkan kohesi dalam wacana?
- c) Terangkan cara pengulangan dan kolokasi dalam membangunkan kohesi dalam wacana.

(20 markah)